

No.13 /2016
24 Ogos 2016

KENYATAAN MEDIA

BIASISWA KERAJAAN JEPUN (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) 2017
YOUNG LEADERS' PROGRAM (YLP)

Kedutaan Jepun dengan ini mengumumkan pembukaan bagi permohonan Biasiswa Kerajaan Jepun (Monbukagakusho: MEXT) iaitu Young Leaders' Program (YLP) 2017 yang akan dibuka sehingga **23hb September 2016**. Semua warga Negara Malaysia lepasan ijazah yang ingin menyambung pengajian ke peringkat Sarjana adalah dijemput untuk memohon biasiswa ini. Dalam tempoh tersebut, elaun yang akan diberikan adalah 242,000 yen (tertakluk pada perubahan). Segala perbelanjaan yuran peperiksaan, matrikulasi dan yuran bulanan akan dikecualikan, dan juga tiket penerbangan pergi dan balik turut disediakan.

Tempoh bagi kursus ini adalah setahun (1) dari Oktober 2017 sehingga September 2018 (kecuali bagi kursus Pengurusan Perniagaan yang bermula dari September 2017 sehingga Ogos 2018). Semua kursus ini disampaikan dalam Bahasa Inggeris.

Terdapat lima (5) kursus di bawah Young Leaders' Program : -

1. **Kursus Pengurusan Perniagaan** (Sarjana Pengurusan Perniagaan)
2. **Kursus Perundangan** (Sarjana Perundangan)
3. **Kursus Sekolah Kerajaan** (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)
4. **Kursus Sekolah Kerajaan Tempatan** (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)
5. **Kursus Pengurusan Kesihatan** (Sarjana Pengurusan Kesihatan)

Syarat-syarat Permohonan: -

1. Warganegara Malaysia berkelulusan ijazah dengan kepujian.
2. Bagi **Kursus Pengurusan Perniagaan**, pemohon mestilah:-
 - (a) berumur bawah 35 tahun pada 1hb September 2017;
 - (b) fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris (markah minima TOEFL 600/ TOEFL-CBT 250/ atau yang setaraf) dan memperolehi keputusan GMAT; dan
 - (c) mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 3 tahun.
3. Bagi **4 kursus lain**, pemohon mestilah:-
 - (a) berumur bawah 40 tahun pada 1hb Oktober 2017;
 - (b) fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris (markah minima TOEFL 550/ TOEFL-CBT 213/ TOEFL-iBT 79-80 atau yang setaraf); dan
 - (c) mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 3 tahun di sektor kerajaan (bagi **Kursus Pengurusan Kesihatan**, pengalaman bekerja di Kementerian Kesihatan Malaysia), (bagi **Kursus Perundangan**, sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman bekerja atau mengendalikan hal ehwal yang berkaitan dengan undang-undang di Malaysia).

Permohonan boleh dibuat melalui pihak yang di sahkan oleh Kedutaan; bagi Kursus Pengurusan Perniagaan sila hubungi, Dewan Perdagangan & Industri Kebangsaan Malaysia di nombor tel. 03-62049811 (Ms. Annie William), bagi kursus pengurusan kesihatan, permohonan boleh dibuat melalui Kementerian Kesihatan Malaysia di nombor tel. 03-88906001 (Dr. Fairoz) atau 03-88831113 (Dr. Ilya Hani). Permohonan bagi 3 kursus lain, sila hubungi Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia di nombor tel. 03-88853569 atau emelkan ke ldp@jpa.gov.my (Encik Rohaizad). Bagi kursus Perundangan, permohonan bagi pegawai bukan kerajaan juga boleh dibuat melalui Kuliyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di nombor tel. 03-61964226 atau emelkan ke ramizah@iiium.edu.my (Prof. Madya Dr. Ramizah Wan Muhammad) atau melalui Fakulti Undang-undang Universiti Malaya di nombor tel. 03-79676501 (Prof. Madya Norbani Nazeri).

Untuk maklumat lanjut sila hubungi bahagian Perkhidmatan Jepun, Kedutaan Jepun di nombor tel. 03-2177 2600 sambungan 146.

Tel: 03-2177-2600

Embassy of Japan

No. 11, Persiaran Stonor,
Off Jalan Tun Razak,
50450 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Kuala Lumpur
24hb Ogos 2016